

# SOALAN LAZIM (FAQ) KEMASUKAN PELAJAR KE UNIVERSITI AWAM (UA), POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI DAN INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN AWAM (ILKA)

## ISI KANDUNGAN FAQ

A. UMUM.....	1
B. PERMOHONAN .....	4
C. UPUONLINE .....	7
D. HEBAHAN, KEPUTUSAN DAN RAYUAN .....	9

### A. UMUM

#### SOALAN 1:

**Apa itu BPKP JPT? (1)**

#### JAWAPAN 1:

BPKP JPT adalah Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP) di Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) atau lebih dikenali dengan UPU. BPKP JPT adalah bahagian yang bertanggungjawab menyelaras kemasukan ke

**a) 20 buah UA & 3 Politeknik Premier**

- Program Pengajian Lulusan STPM/ Setaraf
- Program Pengajian Lulusan SPM/Setaraf

**b) Politeknik Konvensional/METrO, Kolej Komuniti dan ILKA**

- Program Pengajian Lulusan SPM/ Setaraf
- Program Pengajian Lulusan Sijil Kemahiran Malaysia, Sijil Suruhanjaya Tenaga dan Kemasukan ke Program Sijil Pengajar Vokasional (VTO)

#### SOALAN 2:

**Apa itu meritokrasi dalam kemasukan pelajar?**

#### JAWAPAN 2:

Meritokrasi adalah penentuan nilai merit yang dilaksanakan tanpa mengira agama, bangsa, keturunan, negeri, tempat tinggal dan sebagainya. Prinsip meritokrasi menggunakan pakai

- a) **90% markah akademik dan 10% markah** kokurikulum bagi kemasukan ke 20

UA dan 3 Politeknik Premier

- b) **75% markah akademik, 15% sosioekonomi dan 10% markah kokurikulum** bagi kemasukan ke Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti dan ILKA

### SOALAN 3:

**Apa beza Politeknik Premier dengan Politeknik Konvensional/ METrO?**

### JAWAPAN 3:

**Politeknik Premier** adalah politeknik yang setanding dengan Universiti Awam. Pelajar perlu bersaing untuk kemasukan ke UA dan Politeknik Premier. Tiga (3) Politeknik Premier adalah

- a) Politeknik Ungku Omar, Perak (PUO)
- b) Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah, Selangor (PSA)
- c) Politeknik Ibrahim Sultan, Johor (PIS)

Manakala **Politeknik Konvensional** pula adalah 25 buah politeknik selain Politeknik Premier seperti berikut

- 1) Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang
- 2) Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah
- 3) Politeknik Kota Bharu, Kelantan
- 4) Politeknik Kuching, Sarawak
- 5) Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan
- 6) Politeknik Kota Kinabalu, Sabah
- 7) Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang
- 8) Politeknik Melaka, Melaka
- 9) Politeknik Kuala Terengganu, Terengganu
- 10) Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Terengganu
- 11) Politeknik Merlimau, Melaka
- 12) Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kedah
- 13) Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak
- 14) Politeknik Sultan Idris Shah, Selangor
- 15) Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis
- 16) Politeknik Muadzam Shah, Pahang
- 17) Politeknik Mukah, Sarawak
- 18) Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang
- 19) Politeknik Jeli, Kelantan
- 20) Politeknik Nilai, Negeri Sembilan
- 21) Politeknik Banting, Selangor
- 22) Politeknik Mersing, Johor
- 23) Politeknik Hulu Terengganu, Terengganu
- 24) Politeknik Sandakan, Sabah
- 25) Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail, Johor

**Politeknik METrO** adalah adalah politeknik yang ditubuhkan bagi memenuhi keperluan sosio ekonomi tempatan dan wilayah dalam bidang tertentu. Lima (5) buah Politeknik METrO adalah

- a) Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL)
- b) Politeknik METrO Kuantan, Pahang (PMKU)
- c) Politeknik METrO Johor Bahru, Johor (PMJB)
- d) Politeknik METrO Betong, Sarawak (PMB)
- e) Politeknik METrO Tasek Gelugor, Pulau Pinang (PMTG)

#### SOALAN 4:

**Ada Program Pengajian Lulusan STPM/Setaraf, ada Lulusan SPM/Setaraf dan Lulusan Sijil Kemahiran Malaysia, Sijil Suruhanjaya Tenaga dan Kemasukan ke Program Sijil Pengajar Vokasional (VTO). Banyak sangat yang saya tidak faham dan keliru. Cuba terangkan maksud bagi setiap perkara?**

#### JAWAPAN 4:

Program pengajian **Lulusan STPM/Setaraf** adalah calon yang mempunyai kelayakan seperti STPM, STAM, Matrikulasi/ Asasi, Diploma, A-Level dan lain-lain untuk melanjutkan pengajian ke **peringkat Ijazah Sarjana Muda**.

Manakala program pengajian **Lulusan SPM/Setaraf** pula adalah calon yang mempunyai kelayakan SPM untuk melanjutkan pengajian ke **peringkat Asasi, Sijil dan Diploma**.

**Lulusan Sijil Kemahiran Malaysia/ Sijil Suruhanjaya Tenaga** adalah calon yang mempunyai **SKM dan Sijil Pendawaiaan/ Sijil Jentera** untuk **naik tahap** seperti dari SKM Tahap 3 ke SKM tahap 4 dan **Sijil Pengajar Vokasional (VTO)** pula adalah terbuka kepada semua calon yang mempunyai **Sijil/ Diploma** untuk **mengikuti program menjadi tenaga pengajar Vokasional**.

#### SOALAN 5

Selain daripada Portal Rasmi Kemasukan Pelajar iaitu <http://upu.mohe.gov.my>, saluran mana yang boleh saya dapatkan informasi terkini dan adakah terdapat apa aktiviti anjuran BPKP JPT untuk menyebarkan maklumat kemasukan bagi membantu saya dalam mencapai cita-cita yang akhirnya mencorakkan negara dengan pembangunan modal insan yang seimbang?


#### JAWAPAN 5:

Setiap tahun KPT akan menganjurkan Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) adalah sebagai platform untuk persiapan kemasukan pelajar. 20 kiosk UPUOnline disediakan kepada anda di tapak karnival, khidmat runding cara bersama pegawai

daripada Kementerian, UA, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA serta edaran bahan bercetak mengenai institusi, program pengajian, sistem dan prosedur permohonan.

Selain daripada itu, BPKP JPT juga telah mengambil pendekatan proaktif dengan memperkenalkan akses komunikasi secara maya bersama masyarakat di

**Facebook** : **KEMASUKAN BPKP JPT**  
**Twitter** : **@TWT\_UPU**  
**Instagram** : **@KEMASUKANBPKP**

Anda digalakkan untuk  Facebook Kemasukan BPKP JPT bagi memastikan maklumat terkini sentiasa diperoleh.

## B. PERMOHONAN

### SOALAN 6:

**Bagaimana permohonan kemasukan ke UA, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA boleh dikemukakan?**

### JAWAPAN 6:

Permohonan kemasukan hanya melalui UPUOnline sahaja di Portal Rasmi Kemasukan iaitu <http://upu.mohe.gov.my>

### SOALAN 7:

**Bila permohonan kemasukan dibuka dan adakah bayaran dikenakan untuk mengemukakan permohonan?**

### JAWAPAN 7:

Permohonan kemasukan akan dibuka pada bulan Januari/ Februari setiap tahun. Pemohon perlu membeli No. Unik ID untuk mengemukakan permohonan

### SOALAN 8:

**Bagaimanakah cara untuk membeli No. Unik ID tersebut dan berapa harga No. Unik ID?**

### JAWAPAN 8:

No. Unik ID boleh dibeli di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN), di mesin ATM BSN sehari selepas iklan disiarkan. Pemohon perlu membawa MyKad/ Salinan MyKad untuk membeli No. Unik ID. Harga No. Unik ID adalah RM15.65 (termasuk GST). Kos GST dikenakan oleh BSN.

### SOALAN 9:

**Bagaimana untuk memastikan No. Unik ID yang dibeli adalah betul?**

### JAWAPAN 9:

Pastikan No. Kad Pengenalan yang tertera dalam Slip No. Unik ID BSN adalah betul. Jika pemohon adalah **Lepasan STPM/Setaraf**, No. Unik ID bermula dengan angka **13XXX** dan jika pemohon adalah **Lepasan SPM/Setaraf**, No. Unik ID bermula dengan angka **16XXX**.

### SOALAN 10:

**Bolehkah saya akses UPUOnline tanpa membeli No. Unik ID?**

### JAWAPAN 10:

Boleh. Anda hanya perlu **Daftar Kali Pertama** terlebih dahulu dengan memasukkan item yang diperlukan. Semasa **Daftar Kali Pertama** ini anda tidak perlu masukkan No. Unik ID.

Selepas daftar, anda boleh akses UPUOnline untuk dapatkan maklumat seperti berikut sebelum mengemukakan permohonan

- a) Manual Pengguna UPUOnline
- b) e-Panduan : Syarat Am dan Khas Kemasukan

Selepas itu, anda boleh membeli No. Unik ID dan mengemukakan permohonan

### SOALAN 11:

**Bolehkah saya mohon UPUOnline sedangkan saya belum mendapat keputusan SPM lagi?**

### JAWAPAN 11:

Boleh. Anda sememangnya digalakkan untuk memohon UPUOnline lebih awal bagi memastikan anda faham bagaimana untuk menggunakan UPUOnline. Anda boleh memilih program pengajian berdasarkan keputusan percubaan dan bidang yang diminati.

Setelah memperoleh keputusan SPM, anda hanya perlu mengemaskini maklumat pilihan program pengajian supaya program yang dipilih memenuhi syarat am dan khas yang ditetapkan.

Anda boleh mengelakkan sebarang masalah teknikal/ kesesakan jika mohon

UPUOnline lebih awal.

#### SOALAN 12:

---

**Bagaimana saya tahu yang saya layak memohon atau tidak?**

#### JAWAPAN 12:

Dalam e-Panduan, anda boleh menyemak sama ada anda layak memohon atau tidak. Selain itu, anda juga boleh membuat semakan syarat am dan syarat khas program pengajian melalui Sistem Semak Syarat di URL

<http://www.semaksyarat.info>

#### SOALAN 13:

---

**Semasa mengisi borang permohonan dalam talian, saya telah membuat kesilapan dalam mengisi jenis kategori. Adakah permohonan tersebut masih diproses oleh pihak BPKP?**

#### JAWAPAN 13:

Ya, masih diproses. Walau bagaimana pun pemohon perlu memaklumkan kepada pihak BPKP, JPT terlebih dahulu di talian Hotline 03-8870 8200 kerana kesilapan dalam mengisi kategori akan menyukarkan proses permohonan.

#### SOALAN 14:

---

**Adakah saya perlu menghantar sebarang salinan dokumen/ sijil sebagai bukti bagi proses permohonan kemasukan?**

#### JAWAPAN 14:

Pemohon tidak perlu menghantar sebarang salinan dokumen/ sijil kerana BPKP JPT melaksanakan proses padanan dengan pelbagai agensi seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Lembaga Peperiksaan, Majlis Peperiksaan Malaysia, Bahagian Seni & Kokurikulum KPM dan sebagainya bagi memastikan data peribadi, keputusan peperiksaan, MUET dan markah kokurikulum adalah tepat.

Walaupun bagaimanapun, jika anda merupakan pelajar Lulusan STPM/Setaraf dalam Kategori Diploma/Setaraf, anda perlu upload beberapa dokumen penting dalam Sistem UPUOnline

#### SOALAN 15:

---

Saya merupakan calon STPM dan berminat memohon ke USM dan UM. Adakah saya mohon terus kepada USM dan UM atau memohon melalui UPUOnline?

**JAWAPAN 15:**

Mulai Sesi Akademik 2017/2018, anda perlu memohon melalui UPUOnline jika berminat untuk mengikuti program pengajian di USM dan UM. **Baharu**

**C. UPUONLINE**

**SOALAN 16:**

Saya telah tersilap daftar No. Kad Pengenalan (NO. KP) semasa pendaftaran peperiksaan SPM, adakah saya boleh memohon UPUOnline?

**JAWAPAN 16:**

Boleh. Anda cuma perlu masukkan No. KP yang silap semasa pendaftaran peperiksaan SPM pada ruangan **No. Kad Pengenalan Semasa Pendaftaran Peperiksaan** dalam UPUOnline.

**SOALAN 17:**

Adakah saya diberi peluang untuk membuat kemas kini permohonan disebabkan kesilapan dalam mengisi permohonan?

**JAWAPAN 17:**

Ya, anda masih boleh kemas kini permohonan **tanpa sebarang had** sepanjang tempoh permohonan. Namun demikian, anda perlu pastikan kemas kini maklumat hanya dilakukan oleh anda sendiri tanpa melibatkan mana-mana pihak ke-3. BPKP JPT tidak bertanggungjawab atas kesilapan maklumat yang dimasukkan.

**SOALAN 18:**

Saya terlupa untuk mencetak/ simpan Slip Permohonan UPUOnline. Bagaimana cara untuk saya mencetak/ simpan Slip Permohonan UPUOnline dan adakah setiap kali saya kemaskini permohonan saya juga perlu mencetak Slip tersebut?

**JAWAPAN 18:**

Anda hanya perlu login UPUOnline seperti biasa dan klik pada pautan menu SLIP pada sebelah kanan laman. Selepas itu, Slip Permohonan UPUOnline akan

dipaparkan dalam format PDF. Anda boleh cetak terus atau menyimpan/save fail PDF tersebut dalam komputer anda.

#### SOALAN 19 :

**Saya cuba klik pautan SLIP dalam UPUOnline, tetapi tiada sebarang paparan Slip Permohonan UPUOnline dipaparkan. Mengapakah perkara ini berlaku?**

#### JAWAPAN 19:

Perkara ini berlaku kerana anda tidak berjaya mengemukakan permohonan. Mungkin anda tidak klik 'Sah & Hantar' atau ada gangguan internet semasa mengemukakan permohonan.

Setiap permohonan, anda perlu pastikan anda klik 'Sah & Hantar' dan pastikan Slip Permohonan UPUOnline dipaparkan dan dicetak/ disimpan sebagai rujukan. Pastikan Slip Permohonan UPUOnline adalah lengkap dengan dengan maklumat permohonan.

#### SOALAN 20:

**Bagaimana saya perlu membuat pilihan program pengajian? Senarai program pengajian yang ada terlalu banyak.**

#### JAWAPAN 20:

Anda boleh melayari e-Panduan Kemasukan Pelajar untuk mendapatkan senarai program pengajian yang anda minati di URL seperti berikut :-

- a) 20 UA & Politeknik Premier  
<https://online.mohe.gov.my/upu/emas/epanduan/ipta/>
- b) Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti dan ILKA  
<https://online.mohe.gov.my/upu/vteilka/fePanduan/index.php>

Dalam e-Panduan ini, anda boleh menyemak sama ada layak memohon atau tidak. Selain itu, anda juga boleh membuat semakan syarat am dan syarat khas program pengajian melalui Sistem Semak Syarat di URL <http://www.semaksyarat.info>. Sila pastikan anda memilih program pengajian yang layak sahaja.

Selain itu, sebelum anda memilih pilihan program pengajian, anda perlu memilih tiga (3) bidang yang diminati. Senarai program pengajian yang dipaparkan adalah berdasarkan tiga (3) pilihan bidang yang telah anda pilih.



## D. HEBAHAN, KEPUTUSAN DAN RAYUAN

### SOALAN 21:

**Bagaimana saya boleh mengetahui bahawa saya dipanggil untuk temu duga atau ujian seperti Ujian MEdSI?**

### JAWAPAN 21:

Anda perlu menyemak di laman web UA/ Politeknik/ Kolej Komuniti dan ILKA yang berkaitan. Pihak UA/ Politeknik/ Kolej Komuniti dan ILKA yang berkaitan juga akan turut menghubungi anda untuk maklumkan mengenai panggilan Temu duga/ Ujian.

Selain itu, SMS Blast juga akan dihantar kepada anda untuk menyemak panggilan temu duga/ ujian. Pastikan No. Telefon Bimbit yang dimasukkan adalah betul.

### SOALAN 22:

**Bagaimanakah saya boleh mendapatkan status keputusan permohonan kemasukan ke UA, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA?**

### JAWAPAN 22:

Anda boleh menyemak status keputusan permohonan melalui 3 kaedah berikut:

a) Internet :

- <http://upu.mohe.gov.my>
- <https://jpt.utm.my>
- <http://jpt.uum.edu.my>
- <https://jpt.unimas.my>
- <http://jpt.ums.edu.my>

b) SMS Taip **UPU<space>RESULT<space>NO KP** ; ATAU

SMS Taip **TVET<space>RESULT<space>NOKP** dan hantar ke **15888**

c) Talian Hotline UPU: 03-8870 8200

### SOALAN 23:

**Adakah saya akan ditawarkan dengan program pengajian yang tidak dipilih dalam UPUOnline?**

### JAWAPAN 23:

Jika anda merupakan pemohon Lepas SPM/Setaraf, anda boleh ditawarkan dengan program di luar pilihan jika telah bersetuju pada ruangan pernyataan khas untuk menerima tawaran luar pilihan (program pengajian).

Manakala jika anda merupakan pemohon Lepas STPM/Setaraf, anda hanya akan ditawarkan pilihan program yang ada dalam pilihan sahaja. Jika anda tidak berjaya pada ambilan pertama, anda perlu memohon rayuan pilihan program pengajian yang anda layak dan ada kekosongan tempat sahaja. Anda akan ditawarkan dengan pilihan program rayuan fasa 1 dan akan mendaftar bersama-sama calon ambilan pertama. Jika anda masih tidak berjaya, anda akan dipertimbangkan untuk rayuan fasa 2 jika ada kekosongan tempat. **Baharu**

#### SOALAN 24:

**Sekiranya saya membuat e-rayuan dan memilih program pengajian yang sama, adakah pemohon berpeluang untuk mendapat program pengajian tersebut?**

#### JAWAPAN 24:

Kejayaan mendapat tawaran tertakluk memenuhi syarat dan kekosongan tempat. Pemohon dinasihatkan memohon program lain. Pemohon juga dinasihatkan agar tidak melepaskan peluang untuk belajar dalam program-program kemahiran kerana peluang untuk belajar bidang kemahiran adalah sangat besar dan peluang pekerjaan juga adalah luas seperti di Politeknik, Kolej Komuniti dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang lain.

#### SOALAN 25:

**Saya mempunyai keputusan akademik yang cemerlang, tetapi masih gagal mendapat sebarang tawaran.**

#### JAWAPAN 25:

Kejayaan pemohon untuk memperoleh tempat bergantung kepada susunan merit dan pemilihan program pengajian di UA/ IPTA yang dipohon. Jika merit pemohon tidak begitu tinggi dan memohon program pengajian kompetitif, berkemungkinan besar pemohon tidak terpilih untuk ditawarkan program pengajian dalam pilihan mereka. Begitu juga jika pemohon hanya memohon di Universiti Awam yang popular, pemohon akan menghadapi persaingan yang tinggi dan akhirnya tidak mendapat apa-apa tawaran daripada UA berkenaan. Antara beberapa sebab mengapa pemohon tidak ditawarkan ke mana-mana UA adalah kerana:

- i. Tidak mengemukakan permohonan melalui BPKP, JPT
- ii. Tidak memenuhi syarat am UA dan syarat khas program pengajian
- iii. Permohonan tidak lengkap
- iv. Pemalsuan maklumat atau dokumen semasa mengemukakan permohonan
- v. Memohon program luar bidang aliran

- vi. Tidak tekan butang Sah & Hantar semasa permohonan
- vii. Pemohon sedang belajar
- viii. Dokumen tidak diupload atau dokumen yang diupload tidak jelas (bagi STPM/Setaraf Kategori Diploma/Setaraf)

#### SOALAN 26:

**Saya mendapat tawaran melalui BPKP, JPT tetapi tidak berminat dengan kursus yang ditawarkan. Bolehkah saya memohon untuk menukar kursus lain?**

#### JAWAPAN 26:

Tawaran adalah muktamad. Pemohon yang telah berjaya mendapat tawaran ke UA melalui BPKP tidak dibenarkan untuk memohon sebarang penukaran kursus yang lain. Keputusan adalah muktamad.

#### SOALAN 27:

**Bilakah rayuan kemasukan bagi lepasan SPM boleh dibuat?**

#### JAWAPAN 27:

Permohonan rayuan boleh dibuat bermula 21 Mei sehingga 25 Mei 2018.

#### SOALAN 28:

**Bagaimana saya ingin membuat permohonan rayuan ke Politeknik Konvensional/METrO, Kolej Komuniti dan ILKA?**

#### JAWAPAN 28:

Anda boleh membuat permohonan rayuan melalui agensi masing-masing selepas hebahan keputusan diumumkan iaitu selepas jam 12 tengah hari 21 Mei 2018. Berikut adalah maklumat permohonan rayuan di Politeknik Konvensional/METrO, Kolej Komuniti dan ILKA :

INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN (ILKBS)  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN  
<https://ekampus.kbs.gov.my>  
Tarikh Semakan Keputusan Rayuan : 23 MEI 2018

INSTITUSI LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA (ILJTM)  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
RAYUAN TERUS KE PUSAT LATIHAN YANG BERDEKATAN

JABATAN PENDIDIKAN KOLEJ KOMUNITI (JPKK)  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
RAYUAN TERUS KE PUSAT LATIHAN YANG BERDEKATAN

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK (JPP)  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
<http://www.politeknik.edu.my>  
Tarikh Semakan Keputusan Rayuan : 7 JUN 2018

BAHAGIAN LATIHAN KEMAHIRAN PERTANIAN (BLKP)  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
<http://atpis.moa.gov.my/V4/result>  
Tarikh Semakan Keputusan Rayuan : 25 MEI 2018

MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)  
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH  
<http://www.ekemahiran.edu.my>  
Tarikh Semakan Keputusan Rayuan : 11 JUN 2018

### SOALAN 29:

**Bagaimana untuk membuat rayuan bagi lepasan SPM yang tidak mendapat tempat di Universiti Awam/ Politeknik Premier ?**

### JAWAPAN 29:

Calon Lepas SPM yang gagal untuk kemasukan ke Universiti Awam /Politeknik Premier boleh mengemukakan rayuan melalui UPUOnline Rayuan di <http://upu.mohe.gov.my> mulai hari hebahan keputusan. Rayuan boleh di buat dalam tempoh lima (5) hari bekerja.

### SOALAN 30:

**Bagaimana untuk membuat rayuan bagi lepasan SPM ke program TVET di Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti dan ILKA?**

### JAWAPAN 30:

Calon yang gagal permohonan kemasukan ke Program TVET di Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti dan ILKA boleh mengemukakan permohonan rayuan terus kepada agensi yang berkaitan.

### SOALAN 31:

**Bilakah saya boleh mengetahui keputusan permohonan rayuan?**

### JAWAPAN 31:

Permohonan rayuan sesi akademik 2018/2019 akan diumumkan keputusannya pada 04 Jun 2018.

**SOALAN 32:**

**Apakah agensi yang menawarkan program TVET kepada calon yang memohon melalui UPUOnline?**

**JAWAPAN 32:**

Jabatan Pendidikan Politeknik, Kolej Komuniti, Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS), Institut Latihan Kemahiran Belia Negara (ILKBN), Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP) dan MARA.

**SOALAN 33:**

**Berapakah jumlah calon OKU yang mendapat tempat program TVET bagi lepasan SPM bagi Sesi Akademik 2018/2019??**

**JAWAPAN 33:**

Seramai 172 calon ditawarkan tempat berbanding 192 calon yang layak bagi Sesi Akademik 2018/2019.

**SOALAN 34:**

**Berapakah jumlah calon Orang Asli yang mendapat tempat program TVET bagi lepasan SPM bagi Sesi Akademik 2018/2019?**

**JAWAPAN 34:**

Seramai 221 calon ditawarkan tempat berbanding 233 yang memohon dan layak bagi Sesi Akademik 2018/2019.

**SOALAN 35:**

**Saya tidak memohon program UA/Politeknik Premier dalam permohonan UPUOnline, bolehkah saya membuat rayuan untuk permohonan ke UA/Politeknik Premier?**

**JAWAPAN 35:**

Boleh, sekiranya anda tidak berjaya mendapat tawaran.

### SOALAN 36:

**Kenapa saya tidak nampak langsung paparan pilihan program dalam permohonan rayuan saya?**

### JAWAPAN 36:

Anda tidak nampak pilihan program kerana anda tidak melepasi syarat khas program untuk lepasan SPM. Sila kemukakan permohonan rayuan ke program TVET seperti berikut:

INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN (ILKBS)  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

<https://ekampus.kbs.gov.my>

Tarikh Semakan Keputusan Rayuan : 23 MEI 2018

INSTITUSI LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA (ILJTM)  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
RAYUAN TERUS KE PUSAT LATIHAN YANG BERDEKATAN

JABATAN PENDIDIKAN KOLEJ KOMUNITI (JPKK)  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
RAYUAN TERUS KE PUSAT LATIHAN YANG BERDEKATAN

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK (JPP)  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

<http://www.politeknik.edu.my>

Tarikh Semakan Keputusan Rayuan : 7 JUN 2018

BAHAGIAN LATIHAN KEMAHIRAN PERTANIAN (BLKP)  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

<http://atpis.moa.gov.my/V4/result>

Tarikh Semakan Keputusan Rayuan : 25 MEI 2018

MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)  
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

<http://www.ekemahiran.edu.my>

Tarikh Semakan Keputusan Rayuan : 11 JUN 2018

### SOALAN 37:

**Bilakah tarikh Hebahan Lulusan STPM/Setaraf diumumkan?**

### JAWAPAN 37:

Dijangkakan akan diumumkan pada minggu akhir bulan Julai 2018.

### SOALAN 38:

**Saya pelajar STPM/Setaraf dan keputusan baru-baru ini, saya gagal mendapat sebarang tawaran di UA, bagaimanakah cara untuk saya membuat rayuan?**

### JAWAPAN 38:

Anda boleh mengemukakan rayuan atas talian yang akan dibuka terus pada hari hebahan dan tamat sehingga 5 hari bekerja (dijangka tutup minggu pertama Ogos).

### SOALAN 39:

**Saya pelajar STPM aliran sastera dan ingin membuat rayuan akan tetapi pilihan program yang saya inginkan tiada dalam pilihan, boleh saya tahu kenapa saya tidak boleh memilih program tersebut?**

### JAWAPAN 39:

Pilihan program yang tertera mengikut kelayakan dan kekosongan tempat yang di tawarkan oleh Universiti Awam.

### SOALAN 40:

**Saya telah memilih program bertemuduga semasa rayuan. Adakah saya akan di panggil temuduga?**

### JAWAPAN 40:

Panggilan temuduga dan kaedah yang akan digunakan tertakluk kepada universiti.

### SOALAN 41:

**Boleh saya tahu rayuan melalui UPU ada berapa fasa?**

### JAWAPAN 41:

Rayuan melalui UPU ada 2 fasa. Fasa 1, rayuan di buka mengikut pilihan program yang mempunyai kekosongan tempat. Fasa 2, di hebahkan keputusan sahaja mengikut kekosongan tempat selepas pendaftaran pelajar di UA.

### SOALAN 42:

**Bilakah keputusan rayuan fasa 1 dan fasa 2 akan diumumkan ?**

### JAWAPAN 42:

Hebahan keputusan fasa 1 pada Minggu akhir Ogos manakala Fasa 2 pada minggu kedua September 2018.

#### SOALAN 43:

Saya lepasan Diploma, hebahan baru-baru ini saya mendapat tawaran luar pilihan. Adakah saya boleh membuat pertukaran?

#### JAWAPAN 43:

**Keputusan adalah muktamad, sebarang pertukaran tidak di benarkan.** Untuk makluman, calon lepasan Diploma telah dipilih oleh universiti sendiri dengan menyemak kelayakan, dokumen yang telah dimuat naik oleh calon tanpa sebarang sekatan dari pihak UPU.